



# BUKU PANDUAN IBU BAPA

MAKMAL PERKEMBANGAN KANAK-KANAK,  
JABATAN PEMBANGUNAN MANUSIA DAN PENGAJIAN KELUARGA,  
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA,  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA.



*Makmal Perkembangan Kanak-Kanak*  
*Pusat Penyelidikan Keluarga, Remaja dan Kanak-Kanak*  
*(FACE)*

*Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*43400 Serdang, Selangor*  
*Tel : 03-97691330*

## **TOPIK**

## **MUKA SURAT**

### **FALSAFAH**

### **KECEMERLANGAN**

Insan Berakhlak Mulia  
Minat Membaca  
Kemahiran Fizikal  
Pembelajaran Melalui Pengalaman  
Generasi Celik Komputer  
Nilai Estetika, Daya Kreatif dan Kecerdasan Pelbagai

### **KURIKULUM YANG DIGUNAKAN**

#### **GURU DAN KAKITANGAN**

#### **SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN**

Program  
Waktu perkhidmatan Prasekolah  
Waktu Menghantar dan Menjemput Pulang Anak  
Kalendar Persekolahan  
Yuran  
Kaedah Pembayaran  
Kehadiran  
Penamatan Program Dan Deposit  
Kesihatan Dan Makanan Kanak-Kanak  
Rawatan / Pemberian Ubat / Kecemasan  
Keselamatan Anak Anda  
Pakaian Dan Permainan Kanak-Kanak  
Penglibatan Ibu bapa

#### **PERJUMPAAN IBU BAPA – GURU**

8

#### **MAKLUMAT LATAR BELAKANG KANAK-KANAK**

8

#### **KERAHSIAAN**

8

#### **BAHASA PENGANTAR**

8

#### **HARI PERTAMA KE SEKOLAH**

8

#### **CADANGAN DAN KOMEN**

9

## **FALSAFAH**

Makmal Perkembangan Kanak-Kanak, UPM (MPK), Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia berhasrat :

1. Menyediakan kemudahan makmal yang baik dan berkualiti bagi memberi peluang kanak-kanak yang menghadiri makmal ini berkembang dengan pelbagai kecerdasan, keyakinan diri dan berfikiran kreatif.
2. Melahirkan pelajar yang cemerlang
3. Membantu pensyarah dan pelajar dalam pembangunan penyelidikan dalam perkembangan kanak-kanak.

## **KECEMERLANGAN**

MPK akan memastikan kanak-kanak yang mengikuti program prasekolah cemerlang dalam pembentukan :

### 1. INSAN BERAKHLAK MULIA

#### 1.1 Melalui pembelajaran :

- Aqidah
- Ibadah
- Sirah
- Asas Tilawah
- Jawi & Arab

#### 1.2 Mengamalkan nilai Islam dalam kehidupan harian

### 2. MINAT MEMBACA

Memperkayakan kebolehan dan memupuk minat membaca



3. KEMAHIRAN FIZIKAL

Menggalakkan perkembangan fizikal kanak-kanak dengan menyediakan taman permainan yang lengkap dan alatan fizikal yang pelbagai.

4. PEMBELAJARAN MELALUI PENGALAMAN

Menyediakan sudut-sudut dalam kelas seperti sudut drama, sudut sains dan membuat lawatan bagi memperkayakan pengalaman pembelajaran melalui "1st hand experience". Bagi mencapai pembelajaran yang berkesan, nisbah orang dewasa dan kanak-kanak adalah kecil.

5. GENERASI CELIK KOMPUTER

Menghasilkan kanak-kanak yang celik komputer dengan menyediakan komputer multimedia yang dikhaskan untuk pembelajaran berbantuan komputer .

6. NILAI ESTETIKA, DAYA KREATIF DAN KECERDASAN

Memberikan pengalaman kepada kanak-kanak terhadap aspirasi kepada persekitaran, kesenian dan budaya bangsa melalui nasyid dan pergerakan kreatif, lisan, kraftangan dan rekaan bercirikan Islam.

### KURIKULUM YANG DIGUNAKAN

- a) MTA - Kurikulum Program Asuhan dan Didikan Awal  
Kanak-Kanak PERMATA Negara
- b) MTE - Kurikulum Program Asuhan dan Didikan Awal  
Kanak-Kanak PERMATA Negara Kebangsaan



### GURU DAN KAKITANGAN MAKMAL

- a) Guru terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Pembantu guru pula terdiri daripada mereka yang terlatih dalam bidang kanak-kanak dan telah mengikuti Kursus PERMATA Negara dan Kursus Kurikulum Standad Prasekolah Kebangsaan

- b) Minat dan sayangkan kanak-kanak merupakan kriteria utama kakitangan MTPS bagi memastikan program pendidikan awal kanak-kanak dapat dikendalikan secara baik dan berkesan.
- c) Bagi memastikan kualiti pengajaran, MPK mempunyai nisbah orang dewasa dan kanak-kanak seperti berikut:

MTA :

0 – 6 bulan	1 dewasa : 3 kanak-kanak
7 – 12 bulan	1 dewasa : 3 kanak-kanak
1 – 2 tahun	1 dewasa : 4 kanak-kanak
2 – 3 tahun	1 dewasa : 5 kanak-kanak
3 – 4 tahun	1 dewasa : 7 kanak-kanak
MTPS : 5 dan 6 tahun	1 dewasa : 10 kanak-kanak

### **SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN**

1. Maklumat program yang ditawarkan oleh MPK adalah seperti berikut :

Program	MTA		MTPS	
	Bayi (0 – 2 tahun)	Kanak-kanak (2 – 4 tahun)	Program separuh masa	Program sepenuh masa
Masa Perkhidmatan	Hari : Isnin - Jumaat			
	8.00 pagi – 5.00 petang		8.00 pagi – 12.30 petang	8.00 pagi – 5.00 petang
Masa Menghantar/ Menggambil Anak	7.45 pagi – 5.30 petang		7.45 pagi – 12.30 petang	7.45 pagi – 5.30 petang

1.1 Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menghantar dan mengambil anak. Sila maklumkan kepada pihak kami sekiranya ada sebarang kelewatan atau memberitahu siapa pengganti ibu bapa yang akan mengambil anak sekiranya ibu bapa ada tugas lain dan tidak dapat mengambil anak pada waktunya. Kami amat menghargai kerjasama ibu bapa untuk menghantar dan mengambil anak anda tepat pada waktu yang telah ditetapkan.

1.2 Bayaran akan dikenakan **selepas masa peruntukan mengambil anak iaitu pada 5.30 petang dengan kadar RM10.00 setiap 30 minit** dan bayaran diserahkan kepada staf yang bertugas.

#### 2. KALENDAR PERSEKOLAHAN

2.1 Kalendar persekolahan MPK adalah berpandukan kepada jadual penggal persekolahan Kementerian Pendidikan Malaysia dan kalendar semester

Universiti Putra Malaysia serta tertakluk kepada cuti umum Persekutuan dan Negeri Selangor, cuti perayaan dan cuti sempena cuti sekolah.

2.2 MTA beroperasi sepanjang masa kecuali cuti am (Persekutuan dan Selangor) dan 13 hari cuti peristiwa, sempena Hari Raya, Cuti Sekolah dan cuti akhir.

### 3. YURAN

3.1 Yuran pendaftaran adalah RM 260.00 dan perlu dijelaskan apabila mendapat surat tawaran daripada pihak MPK.

3.2 Yuran bulanan ditetapkan oleh pihak fakulti dengan dipersetujui oleh Bendahari UPM. Caj yang akan dikenakan adalah seperti berikut:

MTA		MTPS	
2 bulan – 2 tahun	2 tahun-4 tahun	Program separuh masa	Program sepenuh masa
RM 300.00	RM 250.00	RM 250.00 RM 200.00 RM 150.00	RM 450.00 RM 400.00 RM 350.00
Yuran dikutip selama 12 bulan dalam setahun (Januari – Disember)		Yuran dikutip selama 11 bulan dalam setahun (Januari – November)	

### 4. KAEDAH PEMBAYARAN

4.1 Bayaran yuran melalui pemotongan gaji, akan dibuat oleh “Bendahari UPM”. Gaji bulan Februari untuk yuran bulan Mac.

4.2 Bagi bayaran tunai perlu dijelaskan di kaunter 3 Bendahari UPM, bermula pada 25hb setiap bulan sehingga sebelum 7hb setiap bulan.

### 5. KEHADIRAN

5.1 Kehadiran kanak-kanak yang konsisten ke MPK akan membantu perkembangan kanak-kanak yang lebih stabil dan pembelajaran yang berterusan. Oleh itu, kanak-kanak wajib hadir ke MPK setiap hari.

5.2 Ibu bapa perlu memaklumkan kepada guru kelas/ pengasuh masing-masing sekiranya anak anda tidak dapat hadir ke prasekolah. Sekiranya kanak-kanak tidak hadir 2 minggu berturut-turut tanpa sebarang notis maka nama kanak-kanak akan digugurkan dari senarai nama kanak-kanak MPK.

### 6. PENAMATAN PROGRAM

6.1 Ibu bapa dikehendaki memberi **SEBULAN NOTIS sebelum memberhentikan anak dari MPK**. MPK tidak akan mengemalikan sebarang pembayaran yang diterima sebelum pemberhentian anak.

6.2 Walaubagaimana pun, pihak MPK UPM berhak untuk menamatkan perkhidmatan tanpa notis selepas berunding cara dengan guru, sekiranya ibu

bapa didapati melanggar peraturan MPK atau enggan bekerjasama atau menimbulkan masalah dengan pihak pengurusan MPK.

## 7. KESIHATAN DAN MAKANAN KANAK-KANAK

- 7.1 Dalam akta Pusat Jagaan Kanak-Kanak 1984, menyatakan kesihatan kanak-kanak perlu diperiksa oleh doktor-doktor bertauliah. Oleh itu kanak-kanak yang diterima masuk ke MPK perlu menjalani pemeriksaan doktor. Ibu bapa perlu memaklumkan sebarang alahan atau penyakit yang dihadapi oleh anak sebagai langkah keprihatinan pihak MPK.
- 7.2 Bagi kanak-kanak MTA, ibu bapa dikehendaki memberi satu salinan rekod kesihatan terkini kepada pihak MPK.
- 7.3 Kanak-kanak yang sakit tidak dibenarkan hadir ke MPK sehingga sembuh.
- 7.4 Kanak-kanak yang mengidap penyakit berjangkit seperti cacar air, sakit mata, beguk dan sebagainya tidak dibenarkan sama sekali hadir ke sekolah sehingga disahkan sembuh oleh doktor perubatan secara bersurat.
- 7.5 Makanan akan disediakan oleh pihak MPK. Menu yang disediakan mengambil kira makanan seimbang dan disukai kanak-kanak. Kanak-kanak tidak dibenarkan membawa makanan tidak berkhasiat (junk food) ke MPK. Sekiranya ibu bapa ingin mengadakan sambutan haji jadi anak, adalah digalakkan untuk membawa makanan berkhasiat kecuali susu untuk bayi.
- 7.6 Pastikan anak yang dihantar ke MPK telah mandi dan bagi bayi bersih, ditukar lampin dan pakaian.

## 8. RAWATAN / PEMBERIAN UBAT / KECEMASAN

- 8.1 Pihak MPK UPM tidak menyediakan sebarang rawatan atau sebarang perubatan untuk kanak-kanak. Sekiranya anak sakit, ibu bapa perlu membawa anak ke klinik untuk mendapatkan rawatan yang sesuai. Pihak MPK boleh membantu dalam pemberian ubat mengikut jadual yang dicadangkan oleh doktor atau ibu bapa.
- 8.2 Pihak MPK UPM akan menghubungi ibu bapa secepat mungkin sekiranya berlaku kecemasan pada anak anda. Jika ibu bapa tidak dapat dihubungi, pihak MPK UPM akan membawanya ke Pusat Kesihatan UPM. Walaubagaimana pun, sebarang pembayaran bil perubatan adalah ditanggung oleh ibu bapa. Ibu bapa perlu untuk memberikan nombor telefon terkini dari masa ke semasa bagi memudahkan pihak MPK menghubungi ibu bapa.

## 9. KESELAMATAN KANAK- KANAK

- 9.1 Bagi memastikan keselamatan kanak-kanak di MPK, caruman insuran kanak-kanak berkelompok dibuat hanya kanak-kanak 4 sehingga 6 tahun



sahaja. Bagi Kanak-kanak bawah 4 tahun ibu bapa digalakkan untuk mencarum insuran untuk anak masing-masing.

- 9.2 Pintu Masuk utama autolock ditutup semula setiap kali ibu bapa keluar dari kawasan MPK untuk keselamatan kanak-kanak.
- 9.3 Ibu Bapa tidak dibenarkan membawa masuk/meletakkan kenderaan di dalam anjung utama MPK kecuali hari hujan mengikut arahan lalulintas yang ditetapkan.
- 9.4 Ibu bapa dan Pelawat hanya dibenarkan berada di ruang menunggu sahaja kecuali waktu menghantar dan mengambil anak sahaja.

## 10. PAKAIAN DAN PERMAINAN KANAK-KANAK

- 10.1 Untuk MTPS, kanak-kanak perlu memakai pakaian seragam yang telah ditetapkan. Mereka wajib sentiasa berpakaian kemas, berkasut dan berstokin semasa di MTPS. Oleh itu, ibu bapa perlu menyediakan :
  - 1) Sepasang baju ganti (baju, seluar dan seluar dalam) untuk disimpan di simpan di prasekolah sebagai gantian sekiranya pakaian mereka kotor, basah dan sebagainya.
  - 2) Baju mandi
  - 3) Selipar
  - 4) Pelampung
  - 5) Losyen / baby oil
  - 6) Sikat
- 10.2 Di MTA pula, ibu bapa bertanggungjawab untuk membekalkan pakaian yang bersih dan mencukupi untuk anak mereka. Bagi memastikan keselamatan anak anda, sila bekalkan seluar panjang untuk aktiviti di luar bangunan. Pihak kami juga memohon kerjasama supaya kanak-kanak tidak dipakaikan dengan pakaian kostum untuk watak *superhero* tertentu seperti *ultraman*, *spiderman*, *batman* dan lain-lain. Sila pastikan semua pakaian tersebut dilabelkan.

### MTA :

- 1) Pakaian (3 pasang setiap hari termasuk seluar dalam)
- 2) Lampin pakai buang (5 keping setiap hari)
- 3) Baju mandi
- 4) Tuala (ditukar seminggu sekali)
- 5) Losyen / minyak bayi /sikat
- 6) Beg atau plastik untuk pakaian kotor
- 7) Susu formula untuk bayi dan botol susu untuk bayi dan kanak-kanak di bawah umur 2 tahun sahaja. Kanak-kanak 2 tahun digalakkan menggunakan *sip cup*.

\* Sila pastikan semua peralatan dilabel nama kanak-kanak

- 10.3 MPK telah menyediakan permainan yang sesuai untuk merangsang perkembangan kanak-kanak pada umur yang tertentu. Oleh yang demikian, pihak MPK mengesyorkan supaya ibu bapa dapat memastikan kanak-kanak tidak membawa barang mainan peribadi (cth: kereta, robot dll), barang

permainan yang berbahaya yang boleh mencederakan seperti pedang, pistol dan lain-lain lagi ke sekolah.

- 10.4 Kanak-kanak juga dilarang memakai barang kemas. Pihak MPK tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan barang kemas berkenaan

## 11. PENGLIBATAN IBU BAPA

- 11.1 Ibu bapa diwajibkan membuat penglibatan sekurang-kurangnya sekali semester dan sekali sebulan. Pelbagai jenis penglibatan boleh dilakukan oleh pihak ibu bapa mengikut minat dan kepakaran masing-masing.
- 11.2 Antara aktiviti yang memerlukan penglibatan ibu bapa adalah seperti aktiviti pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak (seperti bercerita, *art* dan kraf dll), penilaian perkembangan kanak-kanak, sukan, hari keluarga, gotong-royong, konvokesyen, taklimat ibu bapa dan lain-lain.
- 11.3 Pihak MPK juga mengalu-alukan ibu bapa untuk berjumpa dengan guru dan berbincang tentang perkembangan kanak-kanak. Sila berhubung dengan guru kelas anak masing-masing untuk sebarang pertanyaan dan kemusykilan. Pihak MPK juga menerima apa-apa jua bentuk cadangan yang baik dan bernas bagi meningkatkan prestasi kanak-kanak.
- 11.4 Penglibatan ibu bapa adalah dikira wajib dan akan diambil kira untuk permohonan masa hadapan atau tempat kanak-kanak sedia ada pada tahun berikutnya.

## **PERJUMPAAN IBU BAPA - GURU**

Pihak MPK akan membuat perjumpaan dengan ibu bapa bagi membincangkan perkembangan anak masing-masing sekurang-kurangnya dua kali setahun (pertengahan tahun dan akhir tahun). Pihak kami amat mengalu-alukan ibu bapa yang ingin berbincang tentang anak mereka selain dari masa tersebut. Ibu bapa boleh berjumpa dengan guru pada bila-bila masa (selain dari waktu kelas) sekiranya terdapat perkara yang perlu dibincangkan.

## **MAKLUMAT TERKINI LATAR BELAKANG KANAK-KANAK**

Ibu bapa perlu mengisi dengan lengkap borang maklumat berikut dan hendaklah dikembalikan pada bulan pertama persekolahan kanak-kanak. Borang-borang yang perlu diisikan adalah :-

1. Borang Rekod Keluarga
2. Borang Rekod Kesihatan Kanak-Kanak
3. Borang Pemeriksaan Doktor (dilengkapkan oleh doktor-doktor bertauliah atau doktor panel)
4. Surat Kebenaran Kecemasan
5. Akuan Ibu Bapa / Penjaga

## **KERAHSIAAN**

Segala maklumat yang diberikan oleh ibu bapa atau yang dibincangkan adalah sulit. Ia hanya digunakan untuk tujuan pengajaran dan penyelidikan oleh mereka yang telah mendapat kebenaran.

## **BAHASA PENGANTAR**

Bahasa Malaysia merupakan bahasa pengantar di MPK. Kanak-kanak digalakkan bertutur, membaca dan menulis menggunakan Bahasa Malaysia standad sepanjang sesi persekolahan. Manakala Bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar yang ke dua.

## **HARI PERTAMA KE TADIKA**

Lumrahnya kanak-kanak mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru, oleh yang demikian bagi melancarkan perjalanan kelas, ibu bapa hanya dibenarkan menemani kanak-kanak tidak lebih daripada **3 hari**. Selepas itu, ibu bapa boleh memberi kepercayaan kepada pihak MPK untuk penyesuaian selanjutnya

## **CADANGAN DAN KOMEN**

MPK mengalu-alukan komen yang diikuti cadangan yang bernas dan membina bagi meningkatkan perkhidmatan kami. Sebarang cadangan dan kemusyiklan, sila berhubung dengan :

Pejabat Am FACE : 03-97691330  
Cikgu Nani Menon : 03-97697145  
Cikgu Rosazizi Abd Rahim : 03-97697144  
Cikgu Narimah Badau : 03-97697410  
Cikgu Siti Nor Abd Rahim : 03-97694790  
Cikgu Salmina Sulaiman : 03-97697142  
Cikgu Nurhayatul Nira Ramli : 03-97694789